Perwira Habib Bank Malaysia Bhd lwn Dipri Trading Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D5-22-1575 TAHUN 1992
HAIDAR J
6 NOVEMBER 1997

Acara Sivil *— Pindaan — Pernyataan Tuntutan — Pindaan yang merupakan penyusunan semula ayat — Bantahan bahawa pindaan akan menukar tuntutan plaintiff dari suatu corak kepada corak yang lain — Sama ada patut dibenarkan*

Dalam pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan, plaintiff telah mengatakan, antara lainnya, bahawa 'melalui surat-surat gerenti bertarikh 27 September 1990, 18 Oktober 1990 dan 15 April 1992 defendan kedua, ketiga, keempat masing-masing ... bersetuju dan menjamin ...'. Plaintiff kemudiannya memohon untuk meminda pernyataan tuntutannya seperti berikut: ' ... defendan kedua melalui gerenti bertarikh 27 September 1990 dan defendan-defendan ketiga dan keempat melalui gerenti-gerenti bertarikh 18 Oktober 1990 dan 15 April 1992 telah bersetuju menjamin ...'. Permohonan plaintiff telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar. Defendan ketiga membuat rayuan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Adalah suatu undang-undang mantap bahawa pindaan boleh dibenarkan pada mana-mana peringkat di dalam sesuatu prosiding atas terma-terma yang diarahkan oleh mahkamah selagi ia adil kepada kedua-dua pihak serta tidak memudaratkan pihak defendan dalam cara-cara yang tidak dapat dipampas dengan kos. Hujah defendan ketiga bahawa kelewatan meminda tuntutan tersebut menyebabkan ketidakadilan adalah tidak berasas. Hak defendan ketiga tidak terjejas untuk memfailkan pindaan pembelaannnya jika perlu kepada pindaan tuntutan yang dibenarkan itu (lihat ms 220H–I).

(2) Bantahan defendan ketiga bahawa pindaan itu akan menukar tuntutan plaintiff dari suatu corak kepada corak yang lain adalah juga tidak berasas. Pihak plaintif telah mengatakan bahawa mereka bergantung kepada kedua-dua gerenti tersebut dan pindaan yang dicadangkan adalah hanya untuk menjelaskan kedudukan defendan ketiga terhadap surat-surat gerenti tersebut secara lebih khusus. Dalam ertikata lain, pindaan itu hanyalah merupakan penyusunan semula ayat (lihat ms 221A–B).

[English summary

In the statement of claim against the defendants, the plaintif avers, inter alia, that 'by letters of guarantee dated 27 September 1990, 18 October 1990 and 15 April 1992 the second, third and the fourth

defendants respectively ... agreed and guaranteed ... '. Later, the plaintiff applied to amend the statement of claim as follows: '... the second defendant by a guarantee dated 27 September 1990 and the third and fourth defendant by guarantees dated 18 October 1990 and 15 April 1992 had agreed to guarantee ...'. The plantiff's application was allowed by the senior assistant registrar. The third defendant appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) It is trite law that amendments are allowed at any stage in a proceeding on the terms directed by the court so long as it is fair to both parties and it does not prejudice the defendant in any way which could not be compensated by costs. The submission of the third defendant that the delay in amending the statement of claim had caused injustice was unfounded. The third defendant's right to file an amended statement of defence if necessary in response to the amendment of the the claim which was allowed was not affected (see p 220H–I).

(2) The third defendant's objection that the amendent will change the nature of the plaintiff's claim was also unfounded. The plaintiff had said that they are relying on the the two guarantees and any suggested amendments was only to clarify specifically the position of the third defendant in respect of the letters of guarantee. In other words, the amendment was only to rephrase the sentence (see p 221A–B).]

Nota

Untuk kes-kes mengenai pindaan kepada pernyataan tuntutan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan 338–341.

Kes-kes yang dirujuk

Hock Hua Bank v Leong Yew Chin [1987] 1 MLJ 230 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 20 k 5(1)

WM Chang (*Raja, Darryl & Goh*) bagi pihak plaintif.
B Thangaraj (*Thangaraj & Associates*) bagi pihak defendan pertama.
Naramalar (*Siva Ram & Associates*) bagi pihak defendan kedua.
Colin Pereira (*Riza, Leong & Partners*) bagi pihak defendan ketiga.

Cur Adv Vult

Haidar J: Pada 2 Julai 1997, pihak plaintif telah memfailkan satu saman dalam kamar (kandungan 141) untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

A (a) bahawa kebenaran diberikan kepada plaintif untuk meminda pernyataan tuntutannya bertarikh 29 Januari 1993;

(b) bahawa defendan pertama hendaklah menyampaikan kepada plaintif butir-butir lanjut dan jelas seperti berikut dalam lampiran 'B'.

B Penolong Kanan Pendaftar ('PKP') telah mendengar permohonan tersebut pada 5 Ogos 1997 dan membenarkan permohonan untuk meminda pernyataan tuntutan dan sebahagian daripada permohonan untuk butir-butir lanjut dan jelas dengan kos ditanggung oleh plaintif.

Defendan ketiga telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 149) pada 9 Ogos 1997 merayu terhadap keputusan C PKP membenarkan plaintif meminda pernyataan tuntutannya.

Permohonan plaintif

Permohonan plaintif untuk meminda pernyataan tuntutannya hanya melibatkan perenggan 13 untuk menjelaskan dengan lebih lanjut akan D kedudukan defendan ketiga dalam pernyataan tuntutannya.

Perenggan asal 13 menyebut:

> Melalui surat-surat gerenti bertarikh 27 September 1990, 18 Oktober 1990 dan 15 April 1992 defendan kedua, ketiga, keempat masing-masing sebagai balasan kepada plaintif bersetuju memberi pendahuluan, kredit dan E kemudahan-kemudahan bank yang lain kepada defendan pertama tersebut bersetuju dan menjamin, inter alia, membayar apabila dituntut:
>
> 13.1...
>
> 13.2...
>
> 13.3...

F Pindaan yang dipohon oleh plaintif adalah seperti berikut:

> 13. Sebagai balasan kepada plaintif bersetuju memberi pendahuluan, kredit dan kemudahan-kemudahan bank yang lain kepada defendan pertama:
>
> (a) defendan kedua melalui gerenti bertarikh 27 September 1990; dan G
>
> (b) defendan-defendan ketiga dan keempat melalui gerenti-gerenti yang bertarikh 18 Oktober 1990 dan 15 April 1992, telah bersetuju menjamin, inter alia, pembayaran apabila dituntut:
>
> 13.1 ...
>
> 13.2 ...
>
> H 13.3 ...

Alasan-alasan pindaan tersebut yang telah diberikan dalam afidavit menyokong permohonan pindaan pernyataan tuntutan ialah untuk menunjukkan hasrat sebenar plaintif (kandungan 140) dan selanjutnya plaintif telah mengatakan bahawa oleh kerana defendan ketiga benar-benar I telah melaksanakan kedua-dua gerenti yang bertarikh 18 Oktober 1990 dan 15 April 1992 ('kedua-dua gerenti tersebut') maka pindaan ini tidak akan menjejaskan hak-hak defendan ketiga.

Defendan ketiga melalui afidavit Manharlal Bharchand Gathari telah memfailkan tiga afidavit jawapan tetapi hanya satu afidavit sahaja yang menyentuh tentang pindaan tersebut, iaitu kandungan 144. Di dalam afidavitnya beliau mengatakan bahawa kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan penuh pada 12 Jun 1997 dan pada tarikh tersebut peguam beliau telah memohon penangguhan perbicaraan untuk memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan pembelaan beliau. Peguam plaintif telah membantah dan memaklumkan bahawa beliau bersedia untuk meneruskan perbicaraan. Walaubagaimana pun mahkamah telah membenarkan penangguhan dan plaintif telah diberi kos penangguhan. Defendan ketiga berpendapat adalah tidak adil untuk plaintif mengambil peluang dari penangguhan tersebut untuk meminda pernyataan tuntutannya.

Seterusnya di perenggan 4 beliau mengatakan:

> Saya merujuk kepada perenggan 13 pernyataan tuntutan terpinda. Adalah jelas bahawa tuntutan plaintif terhadap saya berdasarkan kepada suatu surat jaminan yang telah disempurnakan pada 18 Oktober 1990 manakala melalui cadangan pindaan, plaintif seterusnya ingin juga bergantung kepada surat jaminan yang disempurnakan pada 15 April 1992. Saya telah dinasihati oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa cadangan pindaan menukar tuntutan ini dari suatu corak kepada corak yang lain.

Hanya atas dua alasan ini sahaja defendan ketiga membantah permohonan pindaan oleh Plalntif.

Aturan 20 k 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 menyebut:

> Tertakluk kepada Aturan 15, kaedah 6, 7 dan 8 dan peruntukan-peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membenarkan plaintif meminda writnya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya atas apa-apa terma tentang kos atau elaunnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara (jika ada) sebagaimana yang diarahkannya.

Di dalam kes *Hock Hua Bank v Leong Yew Chin* [1987] 1 MLJ 230, Abdul Hamid, Pemangku KHN (pada ketika itu) telah menimbang A 20 k 5 dan telah mengatakan seperti berikut di ms 231.

> Such being the case, it is appropriate first to consider the scope of O 20 r 5. The principle underlying r 5 of O 20 is that by this rule the court may give leave to amend any pleadings even after the expiry of any relevant period of limitation. However, leave to amend may be granted on terms to be imposed. Generally the order will be for the party who asked for the amendment to pay the costs of the application and incidentals thereto.

Oleh itu ia adalah satu undang-undang mantap bahawa pindaan boleh dibenarkan pada mana-mana peringkat di dalam sesuatu prosiding atas terma-terma yang diarahkan oleh mahkamah selagi ia adil kepada kedua-dua pihak serta tidak memudaratkan pihak defendan dalam cara-cara yang tidak dapat dipampaskan dengan kos. Hujah defendan ketiga bahawa kelewatan meminda tuntutan tersebut menyebabkan ketidakadilan adalah tidak berasas. Hak defendan ketiga tidak terjejas untuk memfailkan pindaan pembelaannya jika perlu kepada pindaan tuntutan yang dibenarkan itu.

A Bantahan defendan ketiga bahawa pindaan itu akan menukar tuntutan plaintif dari suatu corak kepada corak yang lain adalah juga tidak berasas. Di perenggan 13, pihak plaintif telah mengatakan bahawa mereka bergantung kepada kedua-dua gerenti tersebut dan pindaan yang dicadangkan adalah hanya untuk menjelaskan kedudukan defendan ketiga terhadap surat-surat gerenti tersebut secara lebih khusus. Dalam ertikata B lain, pindaan perenggan 13 hanyalah merupakan penyusunan semula ayat (rephrasing) dari perenggan 13 yang asal.

Dengan demikian saya menolak rayuan defendan ketiga dengan kos dan mengesahkan keputusan PKP.

C *Rayuan ditolak.*

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

D

E

F

G

H

I